


RONA TINTA

EDISI 2025



FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU





ALLAH TIDAK AKAN UJI LEBIH DARIPADA KEMAMPUAN

**Noor Azillah Mohamad Ali, Sutina Junos,
& Shahrul Amri Ab Wahab**

Dalam kehidupan setiap insan pasti berdepan dengan pelbagai ujian, ada yang ringan, ada yang berat hingga terasa tidak tertanggung. Namun, sebagai seorang Muslim, kita perlu yakin bahawa setiap ujian yang diturunkan oleh Allah s.w.t adalah bersesuaian dengan kemampuan hambaNya. Dimana Allah tidak akan membebankan seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Firman Allah s.w.t dalam Surah Al-Baqarah ayat 286: “Allah tidak membebani seseorang, melainkan apa yang termampu olehnya...” Ayat ini menjadi sandaran dan penguat hati bahawa setiap ujian yang datang pasti ada hikmah serta ruang untuk kita menanggungnya. Sebagai hamba kita perlu ingat bahawa banyak mana ujian yang mendatang itu bukan lah suatu yang sia-sia kerana mungkin ada makna yang akan temui kelak.

Ujian yang hadir itu adalah ketetapan Allah kepada kita kerana Allah Maha Mengetahui lebih daripada kita mengenali diri kita sendiri. Sebagai manusia yang lemah ini selalu merasakan kita tidak kuat untuk menghadapi ujian itu sehingga menangis hiba serta sentiasa mempersoalkan kenapa aku ini diuji begini. Menangislah dahulu untuk seketika tetapi kita perlu bangkit selepas itu kerana ini adalah perjanjian kita dahulu untuk menjalani apa jua ujian yang mendatang dalam kehidupan di dunia ini. Kita perlu percaya perjalanan ini adalah perjalanan yang Allah telah aturkan untuk kita yang paling terbaik.

Kenapa kita diuji? Pertamanya adalah kerana ia adalah ujian sebagai tanda kasih sayang Allah. Kita janganlah menganggap bahawa ujian yang Allah berikan sebagai satu hukuman atas dosa-dosa kita yang terdahulu tetapi ia sebenarnya adalah tanda kasih sayang Allah kepada hambaNya. Dengan ujian yang kita hadap ini akan membuat diri kita lebih dekat kepadaNya. Ujian itu sebenarnya adalah cerminan sebenar keimanan. Jika hidup kita ini tanpa ada satu pun ujian, kemungkinan diri kita ini akan mudah lupa dan leka dengan segala nikmat dunia.

Keduanya, setiap manusia akan diuji dengan cara yang berbeza. Ada yang diuji atas kehilangan orang yang tersayang, ada yang diuji dengan dihipit dengan masalah kewangan, ada yang diuji dengan kesihatan. Ujian yang Allah hadirkan kepada setiap insan ini adalah berpadu dengan kemampuan setiap orang yang diuji itu. Jangan kita rasa gentar mahupun merasa lemah apabila diuji kerana Allah lebih tahu tahap kekuatan di dalam diri kita. Kekadang diri kita sendiri tidak sedar bahawa kita ini seorang yang tabah sehingga kita menempuh ujian ini.

Seterusnya sebagai hamba, kita perlulah ingat bahawa setiap ujian yang datang itu ada hikmah disebaliknya. Antara hikmah yang tersembunyi adalah seperti meningkatkan tahap keimanan kita. Dimana kita hanya berdoa dan tawakal atas semua ujian yang hadir dalam hidup kita. Dengan ujian juga dapat membersihkan dosa yang pernah kita lakukan dahulu dan dalam masa saya dengan ujian ini bisa menjadikan diri kita ke tahap kematangan yang lebih dalam menilai kehidupan.

Terakhirnya, apabila kita menghadapi ujian, kita perlu hadapinya dengan hati yang reda. Saat diuji, manusia adakalanya merasa mudah putus asa dan menyalahkan takdir tetapi perlu dingatkan kita hendaklah menanamkan perasaan reda dengan menerima ujian itu dengan hati terbuka. Jika seseorang itu reda, bukannya bererti hanya pasrah tanpa ikhtiar tetapi menerima ujian ini dengan penuh yakin bahawasanya Allah sedang mengaturkan sesuatu yang terbaik untuk diri kita.

Sesungguhnya, setiap ujian yang hadir dalam hidup seseorang itu bukanlah satu kebetulan, tetapi itu adalah aturan Allah yang Maha Mengetahui kemampuan hambaNya. Apabila hati ini terasa berat menanggung dugaan, ingatlah janji Allah Dia tidak akan menguji lebih daripada apa yang kita mampu. Hidup di dunia ini adalah untuk menjalani segala macam ujian dan hikmahnya akan kita temui nanti di masa hadapan. Dalam mengharungi ujian ini, kita perlulah sabar menghadapinya kerana sabar itu adalah kunci untuk ke syurga.